

**Penerima Ijazah
Kehormat Doktor
Persuratan 1980
Konvokesyen UKM
ke-8**

**GERBANG
VARSITI KITA**

Korpus Sejarah UKM

al-Marbawi atau Mohamed Idris bin Abdul Rauf bin Ja'far bin Idris al-Marbawi al-Azhari, dilahirkan pada 12 Mei 1896 di Kampung Misfalah, Mekah. Setelah kembali ke kampung halamannya di Perak, minat beliau mula cenderung ke arah dan mula mendalami bidang Pengajian Islam.



Pada tahun 1924, beliau telah melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar, Mesir dan hasil daripada kesungguhannya beliau menjadi antara pelajar terawal yang berjaya mendapat Ijazah Syahadah 'Aliyah dalam bidang Syariah Islam.



Sumbangan al-Marbawi dalam memperkayakan khazanah penulisan Islam tidak dapat dinafikan lagi terutamanya dalam bidang tafsir. Walaupun beliau lebih terkenal dalam bidang hadis tetapi sumbangan beliau dalam bidang-bidang lain tetap dihargai.

Atas sumbangan dan jasanya dalam bidang keagamaan dan persuratan, beliau telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada 5 Julai 1980